

TARIKH	SELASA, 6 JUN 2023
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	VAKسين COVID-19 MALAYSIA DIPASARKAN PADA 2030
M/S	8
BIDANG	MEDICINE
KATA KUNCI	MEDICINE

Vaksin Covid-19 Malaysia dipasarkan pada 2030

Oleh FITRI NIZAM
fitri.nizam@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Dua jenis vaksin Covid-19 buatan Malaysia yang sedang dibangunkan dijangka berada di pasaran menjelang tahun 2030.

Kedua-duanya kini di peringkat fasa pertama ujian praklinikal ke atas haiwan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Aminuddin Hassim berkata, pada masa ini Malaysia sedang membangunkan dua vaksin Covid-19 di peringkat penemuan vaksin.

“Terdapat dua jenis vaksin Covid-19 yang sedang dibangunkan iaitu vaksin berasaskan platform virus ternyahaktif dan vaksin yang berasaskan platform Messenger Asid Ribonukleik (mRNA).



AMINUDDIN HASSIM

“Kajian melibatkan calon vaksin Covid-19 yang berasaskan platform virus ternyahaktif ia masih pada peringkat kajian pra-klinikal ke atas haiwan. Jangkaan kajian ini diselesaikan pada Disember tahun ini.

“Dari segi penghasilan calon vaksin Covid-19 berasaskan platform mRNA, ia memerlukan

proses penambahbaikan untuk memastikan calon vaksin tersebut dapat menjana protein yang secukupnya supaya analisis peringkat kajian pra-klinikal ke atas haiwan dapat diteruskan.

“Dijangkakan calon vaksin Covid-19 mRNA akan menjalani kajian pra-klinikal ke atas haiwan pada tahun 2024,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, fasa klinikal bagi kedua-dua calon vaksin tersebut virus akan bergantung kepada keputusan kajian praklinikal ke atas haiwan.

“Bagaimanapun, setelah kajian klinikal selesai, produk vaksin ini memerlukan kelulusan regulatori dan perlu mengenal pasti syarikat pengeluar vaksin.

“Kerajaan turut menyasarkan vaksin ini akan berada di pasaran menjelang tahun 2030 setelah kualiti, keselamatan dan efikasi vaksin tersebut di-

luluskan oleh NPRA,” ujarnya.

Pada 2021, MOSTI telah memperuntukkan hampir RM60 juta untuk penyelidikan dan pembangunan vaksin Covid-19 tempatan untuk mengurangkan ketergantungan terhadap bekalan vaksin dari negara lain.

Daripada peruntukan itu, RM54 juta diperuntukkan kepada Institut Genom Malaysia manakala RM2.5 juta untuk pasukan penyelidikan membangunkan vaksin menggunakan teknologi mRNA.

Mengulas lanjut, Aminuddin berkata, pembangunan vaksin manusia adalah kompleks dan mengambil masa kira-kira 10 hingga 15 tahun untuk membangunkan calon vaksin baru.

Katanya, kos pengeluaran vaksin juga berbeza-beza mengikut platform dan kerumitan persediaan selain melibatkan proses serta regulatori kerajaan yang perlu dipatuhi.

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM